

Hari Peladang Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Sabah 2010



Prof. Dr. Rosnah Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) menyampaikan cenderamata kepada YAB Datuk Seri Panglima Musa bin Hj. Aman, Ketua Menteri Sabah sempena lawatan beliau ke tapak pameran UMS

Pada 18 hingga 21 November 2010, Universiti Malaysia Sabah turut bersama memeriahkan pameran yang dijalankan bersempena dengan Hari Peladang Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Sabah (HPPNS) anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang bertempat di Tapak Tamu, Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Tanjung Lipat, Likas, Kota Kinabalu. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang 4 hari berlangsungnya HPPNS dengan mengekalkan tema seperti tahun sebelumnya iaitu 'Pertanian Adalah Perniagaan'. Pameran ini telah memberi peluang kepada UMS untuk mempromosikan penyelidikan yang dijalankan dalam penggunaan teknologi bagi memodenkan sektor pertanian di negara ini. Wakil penyelidik dari Sekolah Sains dan Teknologi telah mempamerkan bahan penyelidikan mereka bagi menjayakan pameran ini. Mereka yang terlibat ialah Prof. Madya Dr. Suhaimi Md Yasir, Cik Hartinie Marbawi



Gambar kenangan Prof. Dr. Rosnah Ismail, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama Jawatankuasa dan Ahli Pameran HPPNS

dan Pn. Roslina Jawan. Beberapa orang pelajar Pascasiswazah juga berkesempatan untuk memberi penerangan kepada YAB Ketua Menteri Sabah mengenai bahan-bahan penyelidikan yang dipamerkan.

Artikel oleh: Fairendy Fairuz